

on 13 November 2013

2,345 graduan terima ijazah pada Konvokesyen Unimas ke-17

2,345 graduan terima ijazah pada Konvokesyen Unimas ke-17

TAMAT PENGAJIAN. Seramai 2,345 graduan menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) ke-17 yang berlangsung selama dua hari mulai semalam di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra, Kota Samarahan, Sarawak.

Daripada jumlah itu, 24 merupakan graduan Ijazah Doktor Falsafah, 192 graduan Ijazah Sarjana dan 2,129 graduan Ijazah Sarjana Muda.

Pada sesi semalam, empat

graduan terpilih untuk menerima Anugerah Akademik 2013 iaitu dua penerima Anugerah Pendidikan

Diraja dan masing-masing seorang penerima Anugerah Canselor dan Anugerah Pro Canselor.

Itu disampaikan oleh Canselor Unimas yang juga Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng.

Empat graduan terbabit ialah Seow Jing Yin, Nur Syakina Jamali, Leong Sin Ye dan Norzella Asim. Sementara itu, Naib Canselor

Unimas, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, Unimas berada pada landasan yang betul sebagai institusi pengajian tinggi awam komprehensif berdasarkan pelbagai kejayaan yang diraih sejak 20 tahun penubuhannya.

Katanya, kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan, industri dan masyarakat secara konsisten serta berterusan mampu memberi sumbangan kepada negara melalui sistem pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang mampu menjana pembangunan ekonomi pada masa depan.



EMPAT penerima Anugerah Akademik, dari kiri, Jing Yin, Nur Syakina, Sin Ye dan Norzella bergambar kenangan pada Majlis Konvokesyen Unimas ke-17 di Kota Samarahan, Sarawak semalam.